




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 303 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 38,172 kes. Tiga (3) kes kematian direkodkan iaitu masing-masing satu (1) kes di Daerah Tawau, Keningau dan Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 147 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 35,530 orang. Sejumlah 1,971 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 665 orang di hospital dan 1,306 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 52 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tongod bertukar dari zon hijau ke zon kuning, manakala Kalabakan berubah dari zon jingga ke zon merah.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 303 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 221 kes (72.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 56 kes (18.5%), saringan kluster-kluster sedia ada tiga (3) kes (1%) dan 23 kes (7.6%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 948 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,392 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 30.84%.

B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG TIMBANG DAYANG, KOTA BELUD

- 1 Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini mendengar pembentangan KKM mengenai peningkatan kes positif COVID-19 di Kampung Timbang Dayang, Kota Belud.
- 2 Sehingga 31 Disember 2020, KKM telah melaksanakan 207 saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 24 kes positif telah direkodkan.
- 3 Atas nasihat dan penilaian risiko KKM, Sidang Khas MKN hari ini bersetuju melaksanakan PKPD di Kampung Timbang Dayang, Kota Belud bermula **5 Januari sehingga 18 Januari 2021**.
- 4 PKPD ini bagi memudahkan tindakan kawalan dan pencegahan lapangan dijalankan serta bagi menyekat penularan jangkitan COVID-19 di dalam komuniti setempat.

C. TINDAKAN KOMPAUN ATAS KESALAHAN INGKAR *STANDARD OPERATING PROSEDURE* (SOP) PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengeluarkan sebanyak 129 kompaun pada malam Tahun Baharu 2021 atas kesalahan ingkar SOP PKPB.
- 2 Pemantauan pematuhan SOP oleh pihak PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diteruskan dalam tempoh dua (2) minggu ini di tempat-tempat tumpuan orang ramai dan majlis-majlis sosial.
- 3 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 4 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

D. KEHADIRAN 100 PERATUS PENJAWAT AWAM NEGERI BERMULA 4 JANUARI 2021

- 1 Kerajaan Negeri Sabah telah memutuskan bahawa perkhidmatan dan waktu bekerja pejabat Kerajaan Negeri akan beroperasi sepenuhnya mulai 4 Januari 2021 dengan kehadiran pegawai dan kakitangan di pejabat pada tahap 100 peratus.
- 2 Arahan ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada di tahap yang baik dan efektif.
- 3 Semua penjawat awam dikehendaki mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan semasa dan SOP PKPB bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **310,572** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

F. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

G. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Sipitang | 99% |
| 2 | Kota Kinabalu | 98% |
| 3 | Kinabatangan | 98% |
| 4 | Kota Belud | 98% |
| 5 | Kudat | 97.5% |
| 6 | Beaufort | 97.5% |
| 7 | Kunak | 97.5% |
| 8 | Semporna | 97% |
| 9 | Penampang | 97% |
| 10 | Papar | 97% |
| 11 | Kota Marudu | 97% |
| 12 | Beluran | 97% |
| 13 | Sandakan | 97% |
| 14 | Ranau | 97% |
| 15 | Lahad Datu | 96% |
| 16 | Tuaran | 96% |
| 17 | Keningau | 96% |
| 18 | Tenom | 96% |
| 19 | Tawau | 96% |

H. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis di daerah Lahad Datu.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 51 lokasi di enam (6) daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putus rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**

4 Januari 2021